



BORANG MAKLUMAT BAHAN ORGANAN, MIKROORGANISMA DAN BAHAN YANG MENGANDUNGI MIKROORGANISMA

Peraturan 3, 4(3), 5(1), dan 5(4) Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 & Peraturan- Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981

Alamatkan kepada :

Pengarah
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
Jabatan Pertanian, Aras 1-3,
Wisma Tani, Jalan Sultan Salahuddin,
50632 Kuala Lumpur
Tel. No. : 03 – 2030 1400/1500/1434
Fax No. : 03 – 2697 7164

A. SYARAT – SYARAT PENGEKSPORTAN BAHAN ORGANAN/MIKROORGANISMA/BAHAN YANG MENGANDUNGI MIKROORGANISMA DARI SEMENANJUNG MALAYSIA KE SABAH/SARAWAK/WP LABUAN

i. KELULUSAN UNTUK PERMOHONAN PENGIMPORAN

- a. Kelulusan untuk permohonan pengimportan Bahan Organan/Mikroorganisma/Bahan yang Mengandungi Mikroorganisma dari **Semenanjung Malaysia ke Sabah/Sarawak/WP Labuan** adalah tertakluk kepada **Jawatankuasa Teknikal Pengimportan Mikroorganisma dan Bahan Organan (JKTPMOBO)**.
- b. Manakala bagi kelulusan untuk permohonan pengimportan Bahan Organan/Mikroorganisma/Bahan yang Mengandungi Mikroorganisma ke **Sabah, Sarawak dan WP Labuan** adalah tertakluk kepada **Jabatan Pertanian Sabah, Jabatan Pertanian Sarawak dan Jabatan Pertanian WP Labuan** serta pengesyoran **Jawatankuasa Teknikal Pengimportan Mikroorganisma dan Bahan Organan (JKTPMOBO)**.

ii. SAMPEL BAHAN ORGANAN / BAHAN YANG MENGANDUNGI MIKROORGANISMA:

- a. Sampel baja/bahan organan akan dianalisis oleh Jabatan Pertanian (Bahagian Pengurusan & Pemuliharaan Sumber Tanah) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi menentukan bahan ini tidak berbahaya kepada tumbuh-tumbuhan, ikan, ternakan, manusia dan alam sekitar.
- b. 5 set setiap sampel baja/bahan organan perlu disediakan untuk dianalisis. Sampel dalam bentuk serbuk seberat 250 gm bagi setiap set atau sampel dalam bentuk cecair 250 ml bagi setiap set. Sila asingkan sampel dengan tepat ke dalam 5 set sebelum dihantar ke Bahagian Biosekuriti Tumbuhan, Jabatan Pertanian bersama-sama borang permohonan.
- c. Kos analisis perlu ditanggung oleh pengimport seperti berikut: (Sila sertakan Postal Order / Bank Deraf)

Nama Agensi	Kos Analisis setiap Baja	Pembayaran kepada
Jabatan Pertanian Malaysia	RM 90.00	Ketua Pengarah Pertanian

- d. Pertimbangan kelulusan pengeksporan komersial Bahan Organan / Bahan yang Mengandungi Mikroorganisma oleh JKTPMOBO adalah berdasarkan kepada keputusan analisis sampel.

B. BORANG PERMOHONAN MOBO (SAMPEL DAN KOMERSIL) :

(Sila lampirkan maklumat tambahan daripada pengeluar baja).

Bil	Perkara/Maklumat
1.	Nama pengeksport seperti dalam kad pengenalan /passport dan nama syarikat dengan alamat penuh. (No. Tel., No. Faks., E-mel)
2.	Nama ejen seperti dalam kad pengenalan / passport dan alamat penuh. (No. Tel., No. Faks., E-mel)
3.	Nama pengimport dan alamat penuh. (No. Tel., No. Faks., E-mel)
4.	Alamat premis di Semenanjung Malaysia.
5.	Sijil pendaftaran syarikat SSM. (Sila dilampirkan)
6.	Kod Tarif Kastam. (HS Kod)
7.	Nama komersial baja/produk (Sila huraikan pada no. 8 & 9)
8.	Nama saintifik (genus dan spesies) mikroorganisma. (Sila nyatakan dalam no. 8 jika mempunyai sebarang campuran bahan mentah)
9.	Kandungan bahan mentah yang dicampurkan ke dalam baja/produk. Contoh : najis haiwan, hampas tebu, dsb.) 1. 2. 3. 4. 5. 6.
10.	Mikroorganisma (bacteria,kulat dsb.) yang dicampurkan ke dalam baja/produk. Contoh nama saintifik bakteria adalah seperti <i>Bacillus subtilis</i> , <i>Klebsiella pneumoniae</i> dsb. (Sila dapatkan surat pengesahan rasmi dari syarikat pengeluar, jika baja/produk ini tidak dicampur dengan sebarang mikroorganisma) 1. 2. 3. 4. 5. 6.

11.	Prosedur/protokol makmal bagi proses memasukkan mikroorganisma yang wujud dalam baja/produk atau analisis makmal untuk membuktikan kewujudan mikroorganisma dalam baja/produk. (Sila lampirkan maklumat dan gambar-gambar berkaitan)
12.	Laporan analisis makmal bagi membuktikan ketiadaan mikroorganisma dalam baja/produk. (Berdasarkan no. 9 - Jika baja/produk diisytiharkan bebas daripada sebarang mikroorganisma)
13.	Negara lain yang menggunakan baja/produk ini. (Lampirkan bukti yang berkaitan)
14.	Carta Alir proses pembuatan baja/produk. (Sila lampirkan Carta Alir beserta penerangan yang lengkap dan gambar yang berkaitan)
15.	Pengisytiharan rasmi daripada Pihak Berkuasa Kerajaan yang bertanggungjawab (Government Authority) bahawa baja/produk ini tidak mengandungi apa-apa bahan-bahan yang berbahaya dan memberi kesan kepada tumbuhan, ternakan, ikan, manusia dan alam sekitar. (Sila lampirkan)
16.	Material Safety Data Sheet (MSDS) . Dokumen yang mengandungi maklumat mengenalpasti bahan dan syarikat, potensi bahaya (kesihatan, kebakaran, kereaktifan dan alam sekitar) dan cara bekerja dengan selamat. (Sila lampirkan)
17.	Kesan baja/produk pada tumbuhan. (Sila lampirkan bukti yang berkaitan)
18.	Kesan baja/produk keatas ternakan. (Sila lampirkan bukti yang berkaitan)
19.	Kesan baja/produk keatas ikan. (Sila lampirkan bukti yang berkaitan)
20.	Kesan baja/produk keatas manusia dan alam sekitar. (Sila lampirkan bukti yang berkaitan)
21.	Kandungan NPK (Cth : Nitrogen 8%, Fosforus 10%, dan Kalium 7%)
22.	Kandungan mineral. (e.g. Manganese, Iron, dll.)
23.	Bentuk baja/produk beserta gambar. (bahan pepejal/cecair /butir dsb.)
24.	Kuantiti yang diimport. (Per konsainan setahun)

25.	Kekerapan pengimportan dijalankan setiap tahun.
26.	Bahan pembungkusan untuk konsainan/produk. (cth guni jut / beg plastik, dsb.)
27.	Pintu masuk di Sabah/Sarawak/WP Labuan.
28.	Kaedah pengangkutan. (Darat/laut/udara)
29.	Lain – lain. Jabatan mempunyai hak untuk memohon maklumat tambahan. (Jika perlu)

**** Sebarang lampiran maklumat tambahan perlu disusun mengikut urutan berdasarkan bilangan dalam borang MOBO dan maklumat/laporan yang diberikan adalah yang terkini.**

C. NOTA:

1. Jabatan Pertanian sebagai urusetia **JKTPMOBO TIDAK AKAN MEMPROSES** mana-mana permohonan pengimportan Bahan Organan/Mikroorganisma/Bahan yang Mengandungi Mikroorganisma **yang tidak lengkap** yang diberikan oleh organisasi /pengimport/pengekspor/agen penghantaran atau mana-mana individu.
2. Pemohon perlu mengemukakan **borang MOBO dan maklumat tambahan dalam bentuk hard copy**. Permohonan akan **DIBATALKAN** jika urusetia JKTPMOBO tidak menerima apa – apa maklumat lengkap permohonan dalam **tempoh 6 bulan** dari tarikh penerimaan borang permohonan.
3. **BAGI MANA – MANA PERMOHONAN** pengimportan Bahan Organan/Mikroorganisma/Bahan yang Mengandungi Mikroorganisma **YANG DITOLAK oleh JKTPMOBO, KEPUTUSAN ADALAH MUKTAMAD DAN SEBARANG RAYUAN TIDAK AKAN DILAYAN** daripada pemohon (pengimport atau mana-mana pihak yang berminat/berpengaruh terhadap permohonan pengimportan itu).
4. JKTPMOBO tidak akan bertolak ansur dengan mana – mana konflik berkepentingan / tidak menerima tawaran/hadiah, pertolongan/layanan istimewa atau tekanan dari pengimport / mana –mana pihak yang berminat/berpengaruh terhadap permohonan pengimportan.
5. Pengimport adalah bertanggungjawab untuk mengikut semua arahan dan prosedur JKTPMOBO. Jika didapati mana – mana maklumat yang diberikan tidak benar atau dikesan ketidakpatuhan, JKTPMOBO mempunyai hak untuk menolak permohonan tersebut.

D. PENGISYTIHARAN

Saya mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan adalah **benar dan betul**. Tindakan undang – undang boleh dikenakan kepada saya jika saya tidak mematuhi semua prosedur JKTPMOBO.

Tarikh :

Tandatangan :

Nama Pemohon :

Jawatan :

No Kad Pengenalan/Passport :